



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
PLANETARIUM NEGARA

GERHANA BULAN SEPARA (PENUMBRA)

KUALA LUMPUR, 19 NOVEMBER 2021 – Dunia berpeluang menyaksikan fenomena gerhana bulan separa (Penumbra) yang merupakan gerhana bulan terpanjang dalam tempoh 100 tahun.

Menurut Agensi Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan, gerhana bulan yang berlaku pada hari ini dapat dilihat mata kasar selama 3 jam 28 minit dan 23 saat. Gerhana bulan ini terjadi apabila bumi berada di antara matahari dan bulan sehingga bayang-bayang bumi menutupi permukaan bulan.

Menteri MOSTI, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata, "MOSTI melalui Planetarium Negara menyediakan ulasan melalui akaun media sosial *Facebook* dan *Youtube* Planetarium Negara mulai jam 5:00 petang hingga 7:00 malam pada hari ini. Gerhana kali ini berlaku pada jam 2:02 petang hingga 8:03 malam dan tidak dapat dilihat oleh orang awam dengan mata kasar. Oleh itu, orang ramai boleh mengikuti *live streaming* fenomena gerhana bulan separa (Penumbra) bermula jam 5:00 petang hingga 7:00 malam."

Planetarium Negara turut mendapat kerjasama dari *San Diego Astronomy Association* bagi memaparkan kejadian gerhana bulan secara langsung. Selain itu,

gerhana bulan yang kelihatan di Amerika Utara, Lautan Pasifik, Alaska, Eropah Barat, Australia, New Zealand serta Jepun turut dikongsi semasa *live streaming*.

Untuk makluman, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya merekodkan waktu Syuruk dan Maghrib pada jam 6.59 pagi dan 6.59 petang pada 19 dan 20 November 2021. Ini menunjukkan bahawa Kuala Lumpur dan Putrajaya mengalami tempoh waktu siang dan malam yang sama panjang.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

19 November 2021